



## KENYATAAN AKHBAR

### KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

#### ISU PRODUK MARJERIN YANG MENGANDUNGI *GLYCIDOL* DAN 3-MCPD (3-MONOCHLOPROPANE-1,2-DIOL)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum laporan portal dalam talian bertajuk “Shocking analysis reveals a causing substances in these brands of margarine” melalui pautan <https://www.worldofbuzz.com/shocking-analysis-reveals-cancer-causing-substances-in-these-18-brands-of-butter/> pada 16 April 2018. Akhbar tersebut melaporkan pihak *Hong Kong Consumer Council* mendapati 18 jenama marjerin di pasaran Hong Kong mengandungi *glycidol* (epoxy propanol) dan 16 jenama marjerin pula dikesan mengandungi 3-MCPD (3-monochloropropane-1,2-diol) yang berkemungkinan boleh menyebabkan kanser.

KKM melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menjalankan pemantauan kandungan *glycidyl esters* (GE) dan 3-MCPD *esters* ke atas beberapa produk marjerin di Malaysia. **Hasil pemantauan mendapati kadar pendedahan pengguna di Malaysia terhadap GE dan 3-MCPD *esters* melalui pengambilan marjerin adalah rendah dan tidak mendatangkan risiko kesihatan kepada pengguna.**

Walau bagaimanapun, sehingga kini tiada maklumat saintifik yang jelas mengenai peratus kandungan GE dalam makanan yang boleh bertukar kepada *glycidol* di dalam usus. *Glycidol* merupakan bahan yang terhasil dari penguraian GE di dalam usus. GE adalah sejenis bahan cemar yang

dikesan dalam semua jenis minyak dan lemak sayuran yang terhasil semasa proses penapisan pada suhu tinggi yang melebihi 240°C.

KKM sentiasa peka dan prihatin terhadap perkara-perkara yang boleh mengancam kesihatan pengguna. Sekiranya pengguna mempunyai sebarang kemusykilan berhubung sebarang isu keselamatan makanan, pengguna boleh menghubungi Jabatan Kesihatan Negeri atau Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat atau hubungi KKM melalui laman web <http://moh.spab.gov.my> atau laman *facebook* Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (BKKM) [www.facebook.com/bkkmhq](http://www.facebook.com/bkkmhq)

**DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**20 APRIL 2018**